

Melaka mahu 'meraktyatkan' sains, teknologi

Mohd Faiz Abu Hasan

LENDU - Sejak mengambil alih pentadbiran Negeri Melaka, bidang sains, teknologi dan inovasi antara perkara diberikan keutamaan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh.

Ketua Menteri berkata, Melaka telah mencapai pelbagai kejayaan penting dalam bidang sains, teknologi dan inovasi, sekali gus memberi impak positif kepada pembangunan negeri yang pada masa sama membawa limpahan kesejahteraan buat rakyat.

Beliau berkata, tema Minggu Sains Negara (MSN) 2024 Peringkat Negeri Melaka iaitu 'Meraktyatkan Sains, Menginsankan Teknologi dan Mengarusperdanakan Inovasi' amat bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memupuk selain meningkatkan lagi minat serta kesedaran orang ramai khusus generasi muda terhadap bidang berteknologi tinggi.

Sehubungan itu, beliau menyambut baik inisiatif digerakkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Sambutan Minggu Sains Negara yang juga selaras agenda Malaysia MADANI agar bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) diberi tumpuan.

Jelas beliau, inisiatif itu bertujuan untuk mencipta bakat seiring

dengan kepesatan pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi semasa.

"Kini, bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) sememangnya memainkan peranan penting dalam usaha mentransformasi Malaysia menjadi sebuah negara berteknologi tinggi selain mengurangkan ketergantungan kepada teknologi luar serta buruh asing.

"Justeru, Kerajaan Melaka optimis memperkasa pelbagai program pembangunan sains dan teknologi secara inklusif sebagai satu indikator utama untuk melahirkan lebih ramai rakyat negeri ini yang berkemahiran tinggi seiring matlamat mencapai negara berteknologi tinggi menjelang 2030," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian MSN 2024 Peringkat Negeri Melaka di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka, Kampus Alor Gajah, 29 Oktober lalu.

Hadir sama pada majlis itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Chang Lih Kang; Speaker Dewan Undangan Dewan Undangan Negeri, Datuk Wira Ibrahim Durum; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Azhar Arshad; Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan; barisan Exco serta Timbalan Exco Kerajaan Ne-



AB Rauf bersama Lih Kang ketika melawat ke reruai yang disediakan pada Minggu Sains Negara (MSN) 2024 Peringkat Negeri Melaka di UiTM Kampus Alor Gajah. Foto Iqmal Haqim Rosman

geri.

Menurut Ketua Menteri, menerusi pemerikasaan bidang tersebut, Melaka telah memperkenalkan inisiatif Kampung Digital iaitu memodenkan komuniti desa di seluruh negeri.

Katanya, usaha itu menjadi projek perintis pertama di Malaysia bagi memodenkan komuniti di 618 kampung, malah Kerajaan Negeri kini sedang membuat permohonan 'Intellectual Property' (IP) bagi hak milik inisiatif itu.

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan inisiatif E-mel domain melaka.my untuk seluruh rakyat termasuk pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta sekolah menengah serta belia. Ketiga mewujudkan MyMelaka News melalui platform Telegram sebagai sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

"Seterusnya, Pelancaran MCMC MICROSOFT AI TEACH iaitu program memberi pendedahan dan kemahiran kecerdasan

buatan (AI) secara percuma kepada 500 peserta di Melaka dengan kerjasama pihak Maxis.

"Malah, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM100,000 untuk Program Rakyat Digital Negeri Melaka sebagai galakan kepada sekolah, pertubuhan dan institusi untuk memperbanyakkan program berkaitan bidang STEM, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta digital dengan mensasarkan pelajar, belia serta wanita," katanya.